

## AKAUN SIMPANAN JUNIOR HONG LEONG ([English Version](#))

Kemas kini terakhir pada 29 November 2024

### Terma & Syarat (“T&S”)

T&S ini hendaklah dibaca bersama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat e-penyata dan Kemudahan e-Cukai Invois, Terma dan Syarat untuk Penggunaan HLB Connect (seperti yang ditakrifkan di bawah) dan mana-mana Terma dan Syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh HLB dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari, serta peraturan lain yang mengikat HLB.

### 1.0 Definisi

“kanak-kanak”	Individu di bawah lapan belas (18) tahun yang merupakan benefisiari kepada JSA.
“Connect”	Perkhidmatan perbankan internet yang disediakan oleh HLB untuk membolehkan anda melakukan transaksi perbankan dengan menggunakan terminal komputer peribadi atau mana-mana peranti elektronik melalui pelayar internet dengan Kod Keselamatan; dan termasuk perkhidmatan yang mungkin ditambah, diubah atau ditarik balik oleh HLB pada bila-bila masa, dan dari semasa ke semasa.
“Pelanggan”	Pemegang akaun utama JSA yang merupakan ibu bapa/penjaga sah kanak-kanak tersebut.
“HLB”	Hong Leong Bank Berhad termasuk cawangannya dan pengganti hak milik dan serah haknya.
“JSA”	Akaun Simpanan Junior, iaitu akaun simpanan HLB yang dibuka dengan anak sebagai benefisiari.
“bulan”	Bulan kalendar.

### 2.0 Akaun Simpanan Junior (“JSA”)

- JSA ialah akaun “Dewasa untuk Kanak-kanak” di mana ibu bapa/penjaga yang sah adalah pemegang akaun utama dan kanak-kanak tersebut sebagai benefisiari akaun. Hanya boleh ada satu (1) benefisiari bagi setiap JSA.
- Permohonan untuk JSA hendaklah dibuat oleh Pelanggan.
- Deposit minimum ialah Ringgit Malaysia Satu (RM1) diperlukan untuk membuka JSA.
- Pelanggan mempunyai kuasa mutlak untuk mengendalikan dan menutup JSA.
- E-penyata bulanan disediakan di HLB Connect.
- JSA mestilah mempunyai baki minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu (RM1) pada setiap masa. Jika gagal, JSA akan ditutup.
- Keuntungan dalam JSA akan dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki akhir harian dan akan dikreditkan ke dalam JSA pada hari terakhir setiap bulan.
- Sekiranya berlaku penutupan JSA, keuntungan akan diproratakan berdasarkan bilangan hari akaun kekal aktif untuk bulan tersebut dan akan dikreditkan pada hari akaun ditutup.

### 3.0 Urus Niaga Dalam Talian

- Sebarang pendaftaran untuk mengakses Connect mesti dilakukan oleh Pelanggan.

- (b) Pelanggan dibenarkan untuk melakukan transaksi dengan JSA melalui Connect. Untuk senarai penuh transaksi yang dibenarkan di Connect, sila layari laman sesawang kami [www.hlb.com.my/app](http://www.hlb.com.my/app)

#### **4.0 Penukaran JSA kepada Akaun Simpanan apabila benefisiari mencapai umur lapan belas (18) tahun**

- (a) Manfaat yang dilanjutkan di bawah JSA akan ditamatkan berkuat kuasa pada bulan berikutnya selepas benefisiari mencapai umur **lapan belas (18) tahun**. JSA akan ditukar secara automatik kepada akaun Hong Leong simpanan ("**Akaun Simpanan**") atas nama bersama Pelanggan sebagai pemegang akaun utama dan benefisiari sebagai pemegang akaun bersama.
- (b) Nombor akaun JSA akan kekal dan digunakan untuk Akaun Simpanan yang dikawal oleh **Terma & Syarat Am Akaun**.
- (c) Pelanggan dan benefisiari dikehendaki mengunjungi mana-mana cawangan HLB dengan membawa MyKad mereka untuk memohon kad debit yang dipautkan kepada Akaun Simpanan.
- (d) Pemberitahuan bertulis mengenai pertukaran JSA secara automatik kepada Akaun Simpanan akan dikeluarkan oleh HLB kepada Pelanggan sebulan sebelum benefisiari mencapai umur 18 tahun.

#### **5.0 Fi dan Caj untuk JSA**

- (a) Pengeluaran tunai di kaunter ("**OTC**") hanya boleh dibuat dengan melengkapkan borang yang ditetapkan dan mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh HLB.
- (b) HLB berhak untuk menukar mod atau cara pengeluaran tunai tersebut pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari.
- (c) Tiada bayaran akan dikenakan untuk pengeluaran OTC pertama setiap bulan. Fi perkhidmatan sebanyak **Ringgit Malaysia Dua (RM2)** akan dikenakan bagi setiap pengeluaran berikutnya dalam bulan yang sama.

**Ahli PIDM. Hong Leong JSA dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)